

SYSTEM TAGAL SUNGAI SUGUT PARAI

SYSTEM TAGAL SUNGAI SUGUT PARAI



IKAN KANAI (Black Bass)

Disediakan Oleh : Pengurusan SFM SCA Trusan FR

Tarikh : March 2015

1.0. PENGENALAN MENGENAI SISTEM TAGAL

Sistem Tagal adalah satu kaedah pengurusan biosfera yang popular di negeri Sabah atau Sistem Perkongsian Pintar (*Smart-partnership*). Ia juga dikenali sebagai **bombon** yang bermaksud 'jangan' dalam bahasa Kadazandusun. Melalui sistem ini, penggunaan sumber semulajadi atau kawasan tertentu dihadkan bagi tujuan pemuliharaan dan bagi memastikan kewujudan sumber tersebut secara berterusan.

Para saintis meramalkan bahawa menjelang 2050 mungkin populasi ikan laut dan sungai akan pupus disebabkan tangkapan yang berlebihan tanpa kawalan (*Overfishing and destructive fishing methods*), penggunaan peralatan menangkap ikan yang diharamkan dan pencemaran habitat ikan (sungai dan laut). Pada tahun 2000, **Kementerian Perikanan Dan Industri Makanan Sabah** melalui **Jabatan Perikanan Sabah** telah pun membuat inisiatif memperkenalkan Program Sistem Tagal bagi mengatasi masalah kepupusan ikan ini daripada berlaku di Sabah.

2.0. Sistem Tagal Ikan Kanai Di Sungai Sugut Parai Dalam Hutan Simpan Trusan Sugut Beluran

Pada **07hb Ogos 2014**, komuniti Kg. Terusan Sugut dengan rasminya telah mengambil inisiatif mengintegrasikan sistem tagal Ikan Kanai sebagai sebuah produk pelancongan. Lazimnya jenis ikan kanai (*Black Bass*) ini hanya terdapat di perairan Sabah khususnya di kawasan Kg. Terusan Sugut dan Sungai Sugut Parai (Dalam Hutan Trusan Sugut Beluran).



Menurut maklumat Jabatan Perikanan spesies ikan Kanai ini sudah hampir pupus di kawasan-kawasan lain. Kepintaran luar biasa dan gaya juangnya yang kuat melawan apabila dipancing menjadikan ianya digemari dan sasaran utama oleh kai-kaki pancing (tangkap dan lepas) dari dalam dan luar Negara. Dan ini juga merupakan salah satu pendekatan dalam utilitarian sumber semulajadi tempatan di Sabah. Kertas kerja ini menjelaskan peranan dan manfaat Sistem Tagal Ikan Kanai dalam industri pelancongan di Kg. Terusan Sugut, Beluran Sabah terhadap komuniti pelaksana. Secara umumnya, Sistem Tagal dalam industri pelancongan adalah merupakan satu produk pelancongan yang telah menyumbang kepada pengurusan persekitaran yang lebih cekap, disamping penyumbang pembangunan ekonomi dan juga pembangunan sosial komuniti.

3.0. Objektif Sistem Tagal Ikan kanai (*black Bass*) sungai Sugut Parai Kg. Terusan Sugut Beluran

- I. Untuk melindungi, memulihara dan memperbanyakkan populasi semua jenis ikan yang terdapat di sungai ini khususnya spesies ikan kanai (*Black Bass*)
- II. Untuk menjaga kebersihan persekitaran sungai daripada pencemaran dan mengekalkan ekosistem sungai sugut parai
- III. Untuk memestikan kawasan perairan sugut parai bebas daripada gangguan orang luar selain daripada penduduk kampung Terusan sugut
- IV. Untuk mewujudkan aktiviti eko-pelancongan dan sumber pekerjaan ke arah meningkatkan sumber pendapatan penduduk kampung Terusan sugut.
- V. Dengan wujudnya Sistem Tagal Ikan Kanai ini, akan menjadi contoh kepada komuniti-komuniti setempat supaya menyelamatkan sungai-sungai dan sumber protein yang sedia ada.

4.0. PETA SUNGAI SUGUT PARAI

Peta Sungai Sugut Parai Yang Telah di bahagikan kepada 3 Zon



Gambar Sungai Sugut Parai daripada udara

5.0. PROFIL KAMPUNG TERUSAN SUGUT BELURAN

Jumlah Penduduk : 624 Orang dewasa

Pekerjaan Utama : Sebagai Nelayan Sepenuh Masa

Suku Bangsa : Bercampur (Bajau, Suluk dan Sungai)

Ugama : Majoriti Islam

Ketua Kampung : KK Encik Utoh Bin Tammang

Pengerusi JKKK : Encik Sharif Mohammad Bin Sh. Hj. Kassim

ADUN : YB Datuk James Ratib(ADUN N.39 Sugut)

MP : YB Datuk Seri Ronald Kiandee

(Timbalan Yang Di-Pertua Dewan Rakyat Merangkap Ahli Perlimen **P. 183 Beluran**)

Kemudahan Asas : **Sebuah Balai Polis**

: **Sebuah Camp PGA**

: **Sebuah Klinik Desa**

: **Sekolah Menengah Kebangsaan Terusan Sugut**

: **Sekolah Rendah kebangsaan Terusan Sugut**

: **Tadika Kemas**

: **Sebuah Balai Raya**

: **Sebuah Dewan Serbaguna**

: **Sebuah Masjid**

Kemudahan Api : **Lembaga Lektrik Sabah(LLS)**

6.0. JAWATANKUASA SISTEM TAGAL IKAN KANAI SUNGAI SUGUT PARAI, KG. TERUSAN SUGUT BELURAN

PENASIHAT
PENGUASA PERIKANAN DAERAH BELURAN

PENGERUSI
HAIRUL BIN OTOH

SETIAUSAHA
KARMAN BIN PUSONG

BENDAHARI
ALI HUSSIN BIN LATIF

AHLI JAWATANKUASA

01. ASDIZAN BIN UTOH	06. MULADY BIN MUHAMAD
02. RAZIMAN BIN ARUBANI	07. SAIPUDIN BIN MADIRIN
03. MOHD SABRI BIN MADIRIN	08. ASMAN BIN MOHAMAD
04. MOHD AZLAN BIN LIPAI	09. KAMSA BIN ONGGANG
05. SH RAZRY BIN SH ABDI RAZAK	10. BAHARI BIN OSMAN

7.0. PERATURAN-PERATURAN ATAU SYARAT PENUBUHAN

- Penubuhan Jawatankuasa Sistem Tagal telah di bentuk untuk mengurus kawasan Tagal dan merangka undang-undang kecil yang telah dipersetujui oleh Pengarah Perikanan Sabah, Penguasa Perikanan Daerah Beluran, Ahli Parlimen Beluran P. 183, Ketua polis daerah Beluran, Ketua Daerah Beluran, Ketua Kampung Terusan Sugut dan JKKK Kg Terusan Sugut.

Merujuk Undang-Undang/Peraturan Sistem Tagal-Lampiran

7.0.1. Konsep System Tagal merupakan Kaedah Konservasi Hidupan dalam air dan laut

- Sistem tagal adalah system Perkongsian Pintar(Smart Partnership) diantara masyarakat atau komuniti tempatan dengan Jabatan Perikanan untuk melindungi dan memulihara Sumber ikan di Negeri Sabah khususnya, supaya sumber tersebut tidak pupus dan berkekalan.
- Sistem Tagal dapat menambah banyak populasi semua jenis ikan yang terdapat dalam sungai, dengan mengekalkan ekosistem sungai dan kebersihan sunagi
- Sistem Tagal ini tidak membenarkan penebangan pokok atau tumbuhan di sepanjang tebing dan aktiviti penangkapan ikan juga mempunyai had.(Sungai Sugut Parai ini dibahagikan kepada 3 bahagian/zon utama; **Zon merah**-tidak dibenarkan aktiviti penangkapan kecuali penyelidikan dan aktiviti pelancongan pancing lepas. **Zon kuning**- Aktiviti Penangkapan hanya dibenarkan dengan persetujuan semua komuniti sekali setahun, manakala **zon hijau**- aktiviti menangkap ikan, memancing, membintur ketam, udang dan sebagainya sepanjang masa dibenarkan.)
- Menubah (meracun), mengebom, “Mengaren”(Menggunakan electric generator dan Betteri Basah) dan menunda (Kapal Pukat Tunda) adalah dilarang.Prilaku itu boleh didakwa dan didenda.

7.0.2. Peraturan Perlaksanaan Sistem Tagal dibawah Enakment Perikanan Darat Dan Akuakultur Sabah 2003

- Peraturan yang digubalkan dalam Sistem Tagal ini dikuatkuasakan bertujuan untuk pengekalan sumber ikan supaya tidak pupus dan matlamatnya adalah lebihkurang dengan kaedah Pengekalan Sumber Semulajadi Hutan.
- Undang-undang kecil peringkat kampung yang diiktiraf oleh Mahkamah Anak Negeri juga bertujuan menghalang jenayah Sungai dan sumber-sumber semulajadi yang berkaitan dengan kawasan sungai tersebut.
- Memandangkan kedudukan sungai ini dalam Hutan Simpan Trusan Sugut, maka Jabatan Perhutanan Sabah perlu dimaklumkan jika terdapat sebarang jenayah hutan di sepanjang sungai.

8.0. KOMEN ATAU PENDAPAT TENTANG SISTEM TAGAL SUNGAI SUGUT PARAI KG.TERUSAN SUGUT BELURAN

Konsep Sistem Tagal adalah amat bertepatan dengan konsep dan amalan Pengurusan perhutanan iaitu ke arah Pengekalan sumber Semulajadi. Jika System Tagal ini dapat dipantau dengan baik dan kerjasama semua pihak terutama sekali penduduk setempat yang bergantung penuh dengan sumber ini. Kepupusan Populasi ikan laut dan sungai disebabkan aktiviti tangkapan ikan yang berlebihan tanpa kawalan, penggunaan peralatan menangkap ikan yang diharamkan seperti pengeboman, menarik pukut Tunda dalam sungai, meracun, pembuangan sisa toksit, limpahan minyak dan kehadiran nelayan-nelayan dari Negara jiran.

Menyedari akan situasi ini **Kementerian Perikanan Dan Industry Makanan Sabah** memperkenalkan Program Sistem Tagal sebagai langkah bagi mengatasi kepupusan sumber ikan. Sistem ini juga telah menjalinkan hubungan mesra dan prihatin antara pihak kerajaan dan penduduk setempat. Selain itu, Sistem Tagal dapat menambah sedikit pendapatan harian penduduk kampung.

Bagaimanapun semua aktiviti yang melibat kawasan Hutan Simpan Perlu dirujuk kepada Pengarah Perhutanan Sabah bagi mengelakkan pencerobohan dan ancaman terhadap Hutan Simpan Trusan Sugut.

Kaedah ini merujuk Prinsip FSC perkara 3, 5 dan 6 dalam pensijilan. Dengan adanya Program Sistem Tagal ini, penduduk kampung akan lebih fokus kepada aktiviti nelayan dan eko-pelancongan. Komitmen ini pula boleh dikekalkan sekiranya aktiviti pelancongan terus memberikan manfaat kepada komuniti dari segi kualiti persekitaran, pembangunan sosial dan juga pembangunan ekonomi.

Namun cabaran utamanya ialah dalam memastikan kualiti persekitaran yang berterusan berada dalam tahap yang seimbang, memandangkan kebergantungan sumber persekitaran adalah sebagai aset. komitmen ahli komuniti yang berterusan sebagai pelaksana sistem Tagal ini juga dilihat sebagai penyokong utama kepada keupayaan Sistem Tagal untuk kekal sebagai produk pelancongan utama Kampung Terusan Sugut Beluran. Namun persoalannya sejauh mana generasi akan datang bersedia untuk meneruskan 'Sistem Tagal' bekerja di kampung dan melibatkan diri secara rela dalam industri ini? Semuanya bergantung kepada permintaan semasa untuk Sistem Tagal ini.

ISI KANDUNGAN

Bil	Isi Kandungan	Muka surat
1.0	PENGENALAN MENGENAI SISTEM TAGAL	1
2.0	Sistem Tagal Ikan Kanai Di Sungai Sugut Parai Dalam Hutan Simpan Trusan Sugut Beluran	1
3.0	Objektif Sistem Tagal Ikan kanai (<i>black Bass</i>) sungai Sugut Parai Kg.Terusan Sugut Beluran	1
4.0	PETA SUNGAI SUGUT PARAI	2
5.0	PROFIL KAMPUNG TERUSAN SUGUT BELURAN	3
6.0	JAWATANKUASA SISTEM TAGAL IKAN KANAI SUNGAI SUGUT PARAI, KG. TERUSAN SUGUT BELURAN	4
7.0	PERATURAN-PERATURAN ATAU SYARAT PENUBUHAN 7.0.1 Konsep System Tagal merupakan Kaedah Konservasi Hidupan dalam air dan laut 7.0.2 Peraturan Perlaksanaan Sistem Tagal dibawah Enakment Perikanan Darat Dan Akuakultur Sabah 2003	5
8.0	Komen Atau Pendapat Tentang Sistem Tagal Sungai Sugut Parai Kg.Terusan Sugut Beluran	6
	Lampiran Undang-Undang/ Peraturan-Peraturan System Tagal Bagi Jawatankuasa Sistem Tagal Sungai Sugut Parai Kampung Terusan Sugut Beluran	

UNDANG-UNDANG/
PERATURAN SISTEM TAGAL

BAGI

JAWATANKUASA SISTEM TAGAL
SUNGAI SUGUT PERAI, KG. TERUSAN SUGUT, BELURAN

FASAL 1

NAMA

1. Jawatankuasa ini dikenali dengan nama Jawatankuasa Sistem Tagal Sungai Sugut Perai Kg. Terusan Sugut. Selepas ini disebut 'Jawatankuasa'.

FASAL 2

ALAMAT DAN TEMPAT URUSAN

1. Alamat dan tempat urusan Jawatankuasa ialah Kg. Terusan Sugut, Peti Surat 235, 90107 Beluran atau ditempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa. Tempat urusan adalah di Balai Raya Kg. Terusan Sugut.

FASAL 3

TUJUAN / OBJEKTIF

Tujuan Jawatankuasa ini ditubuhkan ialah:

1. Untuk melindungi sungai Sugut Perai yang di tagal (dilarang) iaitu dari muara sungai Sugut Perai hingga ke hulu sungai dan semua anak-anak sungai, daripada aktiviti-aktiviti yang boleh mencemar perairan sungai Sugut Perai.
2. Untuk melindungi, memulihara dan memperbanyakkan ikan sungai Sugut Perai dan mengelakkan ikan ditangkap sebelum cukup besar.
3. Untuk memastikan bahawa sungai yang ditagal (dilarang/dilindungi) ini bebas daripada gangguan mana-mana pihak sama ada penduduk Kampung Terusan Sugut atau bukan penduduk Kampung Terusan Sugut dalam tempoh larangan.
4. Hasil daripada kejayaan Tagal ini nanti, Jawatankuasa ini akan menjalankan aktiviti-aktiviti eko-pelancongan yang boleh menjana sumber pendapatan baru kepada penduduk Kampung Terusan Sugut.

FASAL 4

KEAHLIAN

1. Setiap Ketua Keluarga yang tinggal tetap di Kampung Terusan Sugut, Beluran adalah menjadi ahli Jawatankuasa dan menjadi ahli dengan syarat membayar wang kemasukan RM 20.00 dan yuran keahlian RM 5.00.
2. Mana-mana ahli keluarga yang tidak dapat/gagal menjelaskan bayaran yuran kemasukan dan keahlian dalam tempoh penagalan pertama ini tidak diterima menjadi ahli tagal. Walaubagaimanapun sekiranya ahli keluarga tersebut berminat boleh diterima masuk menjadi ahli tagal selepas tamat tempoh penagalan pertama.
3. Mana-mana orang yang bukan penduduk Kampung Terusan Sugut atau penduduk Kampung Terusan Sugut yang telah berpindah menetap tidak boleh dipertimbangkan untuk menjadi ahli jawatankuasa dan menjadi ahli, kecuali dengan persetujuan jawatankuasa ini.
4. Semua ahli dan ahli jawatankuasa hendaklah membayar keahlian RM 5.00 tiap-tiap tahun dan sejumlah wang yang patut apabila diperlukan oleh jawatankuasa untuk tujuan pentadbiran penagalan ini.
5. Jabatan Perikanan Sabah adalah penasihat teknik kepada Jawatankuasa Sistem Tagal ini (di bawah Undang-Undang Enakmen Perikanan Darat dan Akuakultur Sabah 2003).

FASAL 5

TANGGUNGJAWAB AHLI

1. Semua ahli hendaklah bertanggungjawab untuk melaksanakan penagalan (larangan) ini dengan sepenuhnya dan mematuhi segala peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.
2. Mana-mana ahli yang menjumpai sesiapa saja yang menangkap ikan hendaklah melarang orang berkenaan untuk berbuat demikian.

FASAL 6

MESYUARAT AGUNG DAN MESYUARAT AGUNG KHAS

1. Mesyuarat Agung hendaklah diadakan dan dihadiri, kalau boleh, oleh semua ahli (Penduduk Kg. Terusan Sugut).
2. Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah diadakan setiap tahun.
3. Mesyuarat Agung Khas bagi Jawatankuasa boleh diadakan:
 - Bila difikirkan mustahak oleh jawatankuasa atau
 - Atas permintaan beramai-ramai dengan bertulis oleh ahli dengan menerangkan tujuan dan sebab mengadakan. Permintaan itu hendaklah dihantar kepada Setiausaha Jawatankuasa.

FASAL 7

JAWATANKUASA TAGAL

1. Satu Jawatankuasa Sistem Tagal seperti berikut hendaklah dipilih di dalam mesyuarat Agung Tahunan.
 - Seorang Pengerusi
 - Seorang Timbalan Pengerusi
 - Seorang Setiausaha
 - Seorang Penolong Setiausaha
 - Seorang Bendahari
 - Seorang Penolong Bendahari
 - 10 orang ahli Jawatankuasa biasa
2. Nama-nama untuk jawatan-jawatan diatas hendaklah dicadangkan serta disokong dan pemilihan akan dijalankan dengan segera mengundi oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Semua pegawai yang dipilih boleh dilantik semula tiap-tiap tahun.
3. Jawatankuasa akan bermesyuarat dan mengambil tindakan jika perlu kepada mana-mana pihak yang melanggar peraturan tagal yang ditetapkan termasuk mengenakan denda dan melaporkan kepada pihak polis.
4. Jika seorang ahli Jawatankuasa meninggal dunia atau meletakkan jawatan, Jawatankuasa berkuasa melantik ahli yang lain memenuhkan kekosongan itu sehingga mesyuarat Agung Tahunan diadakan.

5. Jawatankuasa boleh menggantungkan atau melucutkan jawatan ahli-ahli Jawatankuasa kerana cuai melaksanakan tugas-tugas mereka, curang, tidak cekap, engkar menjalankan keputusan Jawatankuasa, atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan Jawatankuasa ini.
6. Jawatankuasa boleh menubuhkan jawatankuasa kecil jika difikirkan perlu dan memberi kewajipan khas kepada sebarang ahli Jawatankuasa.
7. Sebelum mengadakan sesuatu mesyuarat pihak setiausaha haruslah terlebih dahulu menyampaikan surat bertulis kepada semua ahli yang terlibat.

FASAL 8

KEWAJIPAN-KEWAJIPAN AJK YANG DIPILIH

1. Pengerusi dalam tempoh menyandang jawatannya hendaklah menjadi pengerusi semua mesyuarat Agung Jawatankuasa dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus.
2. Timbalan pengerusi hendaklah memangku jawatan pengerusi semasa ketiadaannya.
3. Setiausaha hendaklah menjalankan kerja pentadbiran Jawatankuasa Sistem Tagal ini mengikut undang-undang dan peraturan dan ia hendaklah menjalankan perintah mesyuarat Agung dan Jawatankuasa. Ia bertanggungjawab mengendalikan semua urusan surat-menyurat dan menyimpan semua buku, surat dan kertas kecuali akaun dan buku-buku kewangan. Setiausaha hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat dan membaca catatan mesyuarat.
4. Penolong Setiausaha hendaklah menolong Setiausaha menjalankan kerja-kerjanya dan memangku jawatan ini semasa ketiadaan Setiausaha.
5. Bendahari adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan Jawatankuasa Sistem Tagal ini. Ia hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab diatas ketepatannya.
6. Penolong Bendahari hendaklah membantu Bendahari dalam semua tugas-tugasnya.
7. Ahli-ahli Jawatankuasa biasa hendaklah membantu Jawatankuasa dalam menjalankan tugas yang diarah olehnya.

FASAL 9

KEWANGAN

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut dalam undang-undang ini / peraturan ini, wang Jawatankuasa ini boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tugas-tugas Jawatankuasa termasuk belanja pentadbiran seperti membeli alat tulis, fotostat dan sebagainya.
2. Wang Jawatankuasa ini juga boleh digunakan sebagai belanja Pelancaran Sistem Tagal Sungai ini seperti membeli cat, berus, plywood, kayu beruti, paku, dan lain-lain perbelanjaan pelancaran termasuk belanja makan dan minum.

FASAL 10

KAWASAN SUNGAI YANG DITAGAL (DILARANG)

Kawasan-kawasan sungai dilarang (tagal) adalah seperti berikut:

1. Dari muara sungai Sugut Perai hingga ke hulu sungai Sugut Perai.
2. Semua anak-anak sungai termasuk sungai Terusan yang tumbus ke sungai Sugut Perai di mana kawasan yang ditagal (dilarang).

FASAL 11

LARANGAN

1. Semua orang sama ada penduduk Kg. Terusan Sugut atau bukan penduduk Kg. Terusan Sugut adalah ditegah / dilarang sama sekali daripada menangkap ikan di kawasan-kawasan sungai yang ditagal di dalam tempoh yang ditetapkan (tempoh penagalan atau tempoh larangan).
2. Semua alat menangkap ikan adalah ditegah / dilarang untuk tujuan menangkap ikan dalam tempoh larangan. Diantara alat-alat menangkap ikan tersebut adalah seperti berikut:
 - Pukat
 - Rambat

- Bubuh
- Panah ikan
- Pancing/Rawai/Pancing Hanyut/Pancing Gantung
- Mengkaut/meramas ikan
- Bom ikan
- Kuasan Karen (Electrico-Fishing)
- Seniua jenis racun ikan sama ada kimia atau tradisional seperti tuba dan sejenisnya.

Semua alat-alat ini boleh digunakan dalam masa pelepasan penagalan / larangan oleh Jawatankuasa KECUALI kuasa Karen, bom ikan, tuba, racun dan sebagainya yang difikirkan boleh memusnahkan hidupan air.

3. Semua hidupan air seperti ikan, udang, labi-labi, dan sebagainya adalah dilarang sama sekali ditangkap semasa larangan berkuatkuasa.
4. Semasa pembukaan Tagal, semua anak-anak ikan perlu dilepaskan semula ke sungai untuk member ia peluang membesar dan membiak supaya ikan-ikan sungai Sugut Perai tidak akan pupus.

FASAL 12

TEMPOH LARANGAN

1. Jawatankuasa telah menetapkan bahawa tempoh Penagalan / larangan mulai **dari tarikh pelancaran** adalah selama 2 tahun (bagi tempoh pertama/permulaan). Walau bagaimanapun, tempoh larangan ini akan dikaji semula oleh Jawatankuasa apabila perlu dari semasa ke semasa dengan nasihat Jabatan Perikanan Sabah.
2. Tempoh larangan Sungai ini akan dilepaskan atau dibebaskan daripada Tagal / larangan semasa pembukaan Tagal oleh Jawatankuasa Sistem Tagal dengan nasihat Jabatan Perikanan Sabah selaku Jabatan/agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan Program Sistem Tagal di Sabah seperti di bawah Enakmen Perikanan Darat dan Akuakultur Sabah 2003

FASAL 13

TEMPOH PELEPASAN

1. Satu tempoh akan ditentukan oleh Jawatankuasa selepas bermesyuarat untuk menetapkan tarikh pelepasan sungai daripada ditagal / dilarang.
2. Dalam masa pelepasan tagal ini semua ahli-ahli Tagal penduduk kampung Terusan Sugut akan dijemput menangkap ikan beramai-ramai di sungai. Dan hari pelepasan ini hanya dihadkan dalam masa yang akan ditetapkan oleh Jawatankuasa bagi ahli-ahli Tagal dan larangan menangkap ikan akan ditutup semula.
3. Semua hidupan sungai yang ditangkap beramai-ramai ini akan dibahagikan sama rata kepada setiap ahli Jawatankuasa Sistem Tagal ini.
4. Mana-mana ahli / penduduk Kg. Terusan Sugut yang tidak hadir pada tarikh penangkapan ikan beramai-ramai dengan syarat ada alasan yang kukuh / munasabah akan dibagi juga ikan secara sama rata. Tetapi jika tidak ada alasan yang kukuh diterima oleh Jawatankuasa maka ahli berkenaan tidak akan diberi bahagian.

FASAL 14

DENDA (SOGIT)

1. Mana-mana pihak sama ada penduduk Kg. Terusan Sugut atau bukan penduduk Kg. Terusan Sugut akan diambil tindakan dan denda (SOGIT) dikenakan oleh Ketua Kampung jika didapati melanggar peraturan-peraturan Sistem Tagal ini.
2. Mana-mana pihak sama ada penduduk Kg. Terusan Sugut atau bukan penduduk Kg. Terusan Sugut jika didapati menangkap hidupan sungai sewaktu tempoh larangan berkuatkuasa, maka semua alat yang digunakan dan semua hidupan sungai yang diperolehi oleh orang berkenaan akan dirampas.
3. Jika didapati orang berkenaan telah melakukan kesalahan menangkap hidupan sungai dengan menggunakan racun kimia atau racun tradisional atau bom ikan, maka orang berkenaan akan dibawa ke Balai Polis untuk tindakan polis selanjutnya.
4. Denda (SOGIT) yang akan dikenakan kepada mereka yang melanggar peraturan Tagal ini Adalah seperti yang tercatat di bawah:-
 - Wang tunai sebanyak RM 500.00 atau
 - Harga Jualan ikan yang ditangkap atau Kedua-duanya

FASAL 15

TAFSIRAN UNDANG-UNDANG


1. Diantara berlangsungnya Mesyuarat Agung, Jawatankuasa boleh memberikan tafsirannya kepada undang-undang ini dan Jawatankuasa ini jika mustahak boleh memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang ini.
2. Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat dalam Mesyuarat Agung, Keputusan Jawatankuasa terhadap ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan Mesyuarat Agung.

FASAL 16

PINDAAN UNDANG-UNDANG

1. Jawatankuasa Sistem Tagal ini boleh meminda mana-mana undang-undang yang difikirkan perlukan perubahan atau pindahan dengan nasihat Jabatan Perikanan Sabah (Pegawai Penguasa Perikanan Daerah Beluran)


Disahkan,



(_____)

Pengerusi Tagal

Dicatit Oleh,



(_____)

Setiausaha Tagal

Disaksikan dan sahkan oleh :

- ✓ 1) Pengarah Perikanan Sabah :
(Jephin Wong)
- ✓ 2) Penguasa Perikanan Daerah, Beluran :
(En. Abrous Gurandi)
- ✓ 3) Ahli Parlimen Beluran :
(YB Datuk Ronald Kiandee)
- ✓ 4) Ketua Polis Daerah, Beluran :
- ✓ 5) Pegawai Daerah, Beluran :
- ✓ 6) Ketua Daerah Beluran :
- ✓ 7) Ketua Kampung Terusan Sugut :
- ✓ 8) Pengerusi JKKK Kg. Terusan Sugut :

Tarikh : 7 Ogos, 2014